


ISI KANDUNGAN

Perkara

Muka Surat

BAB 3 - SEJARAH DAN OBJEKTIF PENUBUHAN KADET BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA

1. Sejarah Kadet Bomba Dan Penyelamat Malaysia	1
2. Objektif Penubuhan Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia.	1
3. Visi Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia	2
4. Misi Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia	2
5. Moto Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia	2
5.1. Penghayatan Moto Kadet Bomba Dan Penyelamat	2
6. Logo Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia	2
6.1. Keterangan Logo	2
7. Bendera Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia.	3
7.1. Keterangan Bendera	3
8. Lagu Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia.	4
8.1. Penerangan	4
8.2. Lirik lagu	4



BAB 3 - SEJARAH DAN OBJEKTIF PENUBUHAN KADET BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA

1 Sejarah Kadet Bomba Dan Penyelamat Malaysia

- 1.1. Sekolah pertama yang menganggotai pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia ialah Maktab Rendah Sains Mara Sultan Abdul Samad, Negeri Sembilan pada tahun 1985.
- 1.2. Ditubuhkan pada 1989 setelah mendapat persetujuan dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan dijadikan salah satu program kokurikulum bagi sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia.
- 1.3. Punca kuasa penubuhan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia:
 - i. Tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat menurut Akta 341, Seksyen 5 (2).
 - ii. Jabatan Bomba dan Penyelamat boleh, selain tugasnya di bawah subseksyen (1), melakukan apa - apa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepadanya oleh undang-undang atau sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri supaya dilaksanakan.

2. Objektif Penubuhan Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

- 2.1. Memupuk kesedaran tentang bahaya kebakaran dan langkah-langkah pencegahan.
- 2.2. Menghayati dan mengamalkan ilmu pengetahuan kebombaian sebagai salah satu cara hidup.
- 2.3. Meningkatkan disiplin dan setia kawan bagi memupuk semangat yakin diri serta bertanggungjawab kepada harta benda dan masyarakat.
- 2.4. Mengeratkan kerjasama dan persefahaman antara ahli dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.
- 2.5. Mewujudkan suasana sekolah bebas dari bahaya kebakaran.

2.6. Menanam minat untuk memilih menjadi anggota Bomba dan Penyelamat sebagai kerjaya.

3. Visi Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia

Menjadi pasukan beruniform kebombaannya yang berprestasi tinggi di peringkat sekolah

4. Misi Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

Menerapkan nilai-nilai kebombaannya dalam kalangan pelajar untuk membudayakan suasana persekitaran selamat

5. Moto Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia

5.1. Penghayatan Moto Kadet Bomba Dan Penyelamat

- Cepat - Memberi pendedahan dan mendidik ahli kadet agar mampu bertindak dengan cepat ketika menghadapi kebakaran dan kecemasan.
- Mesra - Membentuk dan melahirkan murid yang mampu berinteraksi dengan mesra dan harmoni melalui penerapan nilai-nilai kemanusiaan.

“CEPAT DAN MESRA”

6. Logo Kadet Bomba dan Penyelamat, Malaysia

6.1. Keterangan Logo

- Bulan Bintang
 - Melambangkan nilai-nilai Islam dan nilai-nilai murni diserapkan ke dalam Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia

- Dua Rumpun padi
 - Kerjasama antasra Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Helmet
 - Memberikan perlindungan dan keselamatan kepada ahli
- Kapak
 - Salah satu alat (perkakas) yang dapat menggandingkan antara ilmu akademik dengan kebombaanan. Semangat juang dalam mencegah kebakaran dan mengutamakan keselamatan nyawa dan harta benda
- Warna
 - Kuning Emas – Taat setia kepada Raja dan Negara
- Rekabentuk Logo
 - Rekabentuk Logo adalah seperti dibawah

7. Bendera Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia.

7.1. Keterangan Bendera

- Bendera Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia terbentuk daripada segi empat tepat berwarna merah (warna merah bendera bomba) tertera logo Kadet Bomba di tengah-tengah segi empat dan tulisan Kadet Bomba di bawah logo.
- Warna merah melambangkan keberanian dan semangat jati diri yang tinggi di kalangan ahli Kadet Bomba.

- Logo berwarna kuning emas melambangkan taat setia kepada raja dan negara serta mempunyai pasukan Kadet Bomba yang mempunyai kualiti terbaik.
- Spesifikasi bendera seperti di bawah:-



8. Lagu Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- 8.1. Lagu Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia dinyanyikan adalah bertujuan untuk menaikkan semangat dan menunjukkan taat setia kepada pasukan. Lagu ini akan dinyanyikan setiap kali majlis rasmi pasukan dan setiap kali sebelum memulakan aktiviti pasukan.
- 8.2. Lirik lagu seperti berikut:

KADET BOMBA BERSATU
Kadet Bomba Bersatu, Sama
Berganding Bahu, Pemuda Pemudi
Harapan, Tiang Negara. Jiwa Raga Yang Murni,
Tanggungjawab Membantu, Di Mana Jua, Tetap Bersedia.
Menimba Ilmu Jaya,
Demi Masa Hadapan,
Berwawasan Matlamatnya, Pastikan Berjaya.
Kadet Bomba Bersatu, Bersemangat
Membara, Cita-Cita Tersepat Luhur,
Gigih Berusaha. Ikrar Kami Sahutkan,
Berani Beretika Harumkan Nama ,
Malaysia Jaya . (2x)